

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH PENERBITAN BUKU

1. Anugerah Penerbitan Buku adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik UPNM yang telah menghasilkan buku akademik dalam bidang masing-masing.
2. Anugerah terbuka kepada dua bidang iaitu
 - i. Kategori Sains dan Teknologi.
 - ii. Kategori Sains Sosial.
3. Buku perlu diterbitkan oleh:
 - i. Penerbit UPNM
 - ii. Penerbit luar yang berwibawa, berprestij atau ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).
 - iii. Bukan merupakan sebuah penerbitan sendiri (*Self publish*).
4. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Buku adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
 - i. Calon telah menerbitkan buku pada tahun yang dinilai.
 - ii. Calon perlu menyenaraikan jumlah buku yang telah diterbitkan pada tahun yang dinilai.
 - iii. Buku ini perlulah memperlihatkan impak ilmiah yang memberi kesan positif kepada komuniti ilmu atau masyarakat pada amnya.
 - iv. Buku ini mestilah merupakan buku yang bersinambungan daripada bab ke bab dan integratif sifatnya. Ia bukanlah koleksi kertas kerja, himpunan esei, tesis/disertasi (melainkan telah distrukturkan ke bentuk buku) atau laporan penyelidikan/perundingan.
 - v. Buku ini mestilah karya asli penulis.
 - vi. Calon WAJIB menghantar tiga (3) naskhah buku yang dicalonkan. Bagi pencalonan e-buku, bukti e-buku telah diterbitkan dalam bentuk pautan ke e-buku tersebut DAN manuskrip akhir yang dihantar untuk diterbitkan perlu disertakan bersama borang pencalonan.
 - vii. Jawatankuasa panel penilai akan memulangkan semula dua (2) naskah buku yang telah dicalonkan kepada calon.